



# BAB 3

## HUKUMAN DALAM KES JENAYAH SYARIAH DI WILAYAH PERSEKUTUAN

---

### Pendahuluan

Secara prinsipnya, keseluruhan hukuman yang diperuntukkan dalam kes-kes jenayah syariah di Wilayah Persekutuan adalah selaras dengan had-had yang terkandung dalam Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984. Sekatan daripada Akta ini menghalang Mahkamah Syariah mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap pesalah. Sebelum pindaan pada tahun 1984, Mahkamah Syariah hanya diberi bidang kuasa untuk membicara dan menjatuhkan hukuman denda maksimum sebanyak RM 1000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kombinasi hukuman tersebut. Pindaan pada tahun 1984 telah menaikkan jumlah denda kepada RM 5000 dan penjara sehingga tiga (3) tahun. Hukuman sebat yang tidak diperuntukkan sebelum ini telah diperuntukkan walaupun hanya dihadkan kepada enam (6) sebatan.

Sungguhpun pindaan tersebut positif, tetapi jika dibandingkan dengan bidang kuasa yang diperuntukkan dalam sistem Mahkamah Sivil, ia masih rendah. Sebagai contoh, Mahkamah Majistret Kelas 1 mempunyai bidang kuasa merangkumi kes-kes yang boleh dihukum

dengan hukuman denda sebanyak RM10000 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau sebatan sebanyak 12 kali atau gabungan mana-mana hukuman tersebut.

Merujuk kepada pembahagian kesalahan-kesalahan dan hukuman di Wilayah Persekutuan, AKJSWP 1997 tidak memperincikan kesalahan dan hukuman mengikut teori hukuman dalam Islam. Pembahagian keseluruhan seksyen-seksyennya tidak mengikut pembahagian hukum jenayah Islam yang mempunyai empat kategori iaitu *bad*, qisas, diyat dan ta`zir. Pembahagian ini adalah berdasarkan jenis kesalahan dan hukuman itu sendiri. Hukuman dalam kategori hudūd, qisas dan diyat adalah berdasarkan nas-nas Syariat,<sup>1</sup> manakala hukuman ta`zir adalah hukuman yang tidak ditentukan oleh nas Syariat sebaliknya bergantung kepada budi bicara pemerintah untuk menentukannya menurut kepentingan semasa.<sup>2</sup>

Kesalahan *bad* menurut jumhur ulama<sup>3</sup> terbahagi kepada tujuh iaitu zina, mencuri, minum minuman yang memabukkan, merompak, memberontak, qazaf dan murtad. Walaupun begitu, sebahagian ulama menyatakan enam sahaja.<sup>4</sup> Hukuman terhadap kesalahan ini adalah tetap kerana ia diperincikan oleh Syariat untuk menjaga hak-hak Allah atau hak-hak awam.<sup>5</sup> Qisas dan diyat pula adalah hukuman yang menjaga hak-hak persendirian dan ketentuan bentuk serta kadar hukuman juga telah ditetapkan oleh Syarak. Qisas dan diyat merupakan hukuman yang melibatkan kesalahan terhadap nyawa dan tubuh manusia iaitu pembunuhan dan mencederakan.

<sup>1</sup> Sebagai contoh lihat Surah al-Nūr 24: ayat 4 (qazaf), ayat 2 (zina), Surah al-Baqarah 2: ayat 2 (bunuh dengan sengaja), ayat 217 (murtad), Surah al-Nisā` 4: ayat 92 (pembunuhan tidak sengaja), Surah al-Mā'idah 5: ayat 33 (merompak), ayat 38 (mencuri), ayat 45 (mencederakan), Surah al-Hujurat 49: ayat 9 (memberontak)

<sup>2</sup> Mohamed Salim al-Ewā (1982), *Punishment in Islamic Law*, Indianapolis: American Trust Publications, h. 96

<sup>3</sup> 'Abd al-Qādir 'Awdah (1406H) *al-Tasyri' al-Jinā`i al-Islāmi*, j.1. Beirut: Muassasah al-Risālah, j.2, h.345

<sup>4</sup> al - Ewā (1982), *op. cit.*, h. 2

<sup>5</sup> Ibn al-Qayyim (1961), *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyāsah al-Syar'iyyah*, Kaherah: al-Muassasāt al-'Arabiyah li al-Tibā'ah wa al-Nasr, h. 377. 'Abd al-Qādir 'Awdah (1406 H), *op.cit.* j. 1, h. 79